PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR
01 Februari 2016 (Isnin)

Utusan Malaysia
Siapa kelirukan rakyat Kedah? 1
Denggi :866 kes dicatat di Kuala Lumpur minggu lalu 2
Sana- sini sepanjang minggu 3
Kilang haram di Jalan Kapar diserbu 4
Pertandingan memasak ponggal pupuk perpaduan antara kaum 5

Harian Metro
Rindu nikmat dipanggil ibu 6

Kosmo
Desak kerajaan negeri atasi masalah bekalan di air di Semenyih 7
Mesej disebalik laggu Maju dan Sejahtera 8
Seramai 300 peserta 9

Sinar Harian
Kekal prinsip satu lawan satu 10
Makan kismis kuatkan ingatan 11
MBSA sedia tong roro di 140 lokasi 12
PKNS lancar 146 unit Azhara 13
Orang Besar Drah tinjau kawasan 14
Kajang 15
SSP-MSP kembali ke landasan kemenangan 16

The Star
Make Money Cathing Rats 17
MPAJ To Go After Illegal Vape Traders 18
Settle Your Bill 19

New Straits Times
'500 cases reported a day' 20

The Malay Mail
MB saga will affect state administration 21

TV1 & TV3
- -

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Siapa kelirukan rakyat Kedah?
Muka Surat	:	10

SIAPA KELIRUKAN RAKYAT KEDAH?

ZULKIFLEE BAKAR
zulkifleebakar@gmail.com

APABILA seorang rakan wartawan menghubungi saya pada Jumaat lalu memaklumkan bahawa usaha menggantikan Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir sebagai Menteri Besar (MB) Kedah tidak akan berjalan semudah yang disangka, penulis hanya menganggap itu sekadar khabar angin.

Apatah lagi pandangan penulis seharusnya tidak ada masalah memandangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak telah mengemukakan nama pengganti Mukhriz kepada Yang di-Pertuan Agong yang juga Sultan Kedah dan Jemaah Pemangku Sultan Kedah. Secara dasarnya ia hanya menunggu pengumuman sahaja.

Bagaimanapun, konflik yang diharapkan selesai itu dijangka berterusan apabila Mukhriz terus menunjukkan penentangan dan kedudukan beliau hanya akan diketahui secara muktamad apabila selesai majlis menghadap Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional (BN) bersama-sama Ahli Jemaah Pemangku Sultan Kedah di Wisma Darul Aman, Alor Setar hari ini.

Difahamkan majlis menghadap itu mungkin ada kaitan dengan surat akuan sumpah ditandatangani oleh 19 ADUN BN yang menyokong Mukhriz diganti. Ahli-ahli Jemaah ingin mendapatkan kepastian apakah ia dilakukan secara sukarela atau di bawah tekanan.

Bagaimanapun, pelbagai pihak tetap mengharapkan kemelut yang berlaku diselesaikan segera bagi membolehkan suasana politik di Kedah kembali tenang. Bagi penulis sama ada suasana seumpama itu boleh wujud atau tidak, ia bukan sahaja bergantung kepada siapa yang menjadi MB tetapi sejauh mana semua pihak khususnya dalam UMNO secara tulus ikhlas mahu menamatkan persengketaan.

Dari segi rakyat, penulis percaya walaupun ada antara mereka kecewa atau sedih dengan suasana politik Kedah tetapi ia tidak sampai mereka membenci UMNO dan BN. Tetapi pendirian mereka boleh berubah jika di dalam UMNO sendiri ada kelompok-kelompok yang bersedia menjadi 'gunting dalam lipatan' dan 'musuh dalam selimut'.

Penulis diberitahu bagaimana 'sudah ada amaran' diberikan bahawa pengganti Mukhriz akan diserang habis-habisan melalui media sosial dan blog-blog. Ia akan dilakukan oleh kelompok yang kononnya berjuang demi UMNO dan BN.

Kalau betul mereka berjuang demi UMNO dan BN, kesetiaan mereka bukan kepada mana-mana pemimpin atau pemimpin yang mengisi 'tembolok' mereka sahaja tetapi kepada parti.

Sebenarnya, penulis tidak berasa hairan jika serangan 'duri dalam daging' itu berlaku. Sepanjang krisis politik di Kedah berlaku sejak 20 Januari lalu, penulis sudah melihat 'kegilaan' dan 'kejahilan' puak-puak berkenaan.

Mereka seolah-olah sanggup melakukan apa sahaja termasuk menggunakan nama Istana sekalipun bagi menimbulkan kekeliruan kepada rakyat. Pelbagai dakyah mereka hasilkan melalui media-media sosial sehingga rakyat menjadi bercelaru apa sebenarnya berlaku.

Sementara penulis menghormati kesetiaan mereka kepada seseorang pemimpin tetapi dalam masa yang sama 'kejahilan' mereka berhadapan krisis dalaman boleh menjejaskan UMNO dan BN.

Dan keadaan menjadi bertambah bercelaru, apabila sebuah jabatan kerajaan membuat kajian mengenai sokongan rakyat Kedah kepada Mukhriz. Hasil kajian itu akhirnya bocor kepada media termasuklah gambar 'ketua jabatan yang rajin' tersebut.

Mungkin jabatan itu ingin menunjukkan kesetiaan tidak berbelah bahagi mereka kepada kepemimpinan kerajaan negeri tetapi persoalannya wajarkah tindakan tersebut? Konflik yang berlaku melibatkan seorang ketua kerajaan negeri yang kedudukannya ditentukan oleh Perdana Menteri, jabatan kerajaan yang membuat kajian itu pula ada salah satu agensi Persekutuan yang kementeriannya dipimpin oleh seorang menteri yang dilantik oleh Perdana Menteri.

MUKHRIZ TUN MAHATHIR meninggalkan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Oleh itu, tidakkah tindakan membuat kajian tersebut akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan rakyat atau bak kata orang Kedah, *"awat yang haru sangat ni"* sekali gus memberi imej tidak baik kepada kerajaan.

Kalau benar mahu membantu kerajaan, kajian seumpama itu perlu dilakukan pada hari pertama Mukhriz menjadi MB dan dijalankan secara konsisten sekurang-kurangnya enam bulan sekali, bukan ketika Mukhriz telah 'menerima isyarat' untuk mengosongkan pejabat MB.

Justeru hentikanlah perbuatan mengelirukan rakyat Kedah. Penggantian MB bukanlah sesuatu yang aneh, apatah lagi di negeri itu yang sudah pernah menempuhnya sebanyak enam kali sebelum ini sejak 1985.

Pergolakan politik dalam sesebuah negeri adalah perkara biasa. Ia bukan sahaja berlaku dalam UMNO, malah Pas dan PKR pun tidak terlepas menghadapi suasana ini.

Masihkah kita ingat bagaimana 'Langkah Kajang' diatur. Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim digantikan dengan Datuk Seri Mohammad Azmin Ali. Ketika itu Abdul Khalid masih mendapat sokongan majoriti Exco dan ADUN tetapi beliau tetap disingkirkan dan jangan lupa ketika Tun Dr. Mahathir Mohamad menggantikan Tan Sri Osman Aroff sebagai Menteri Besar Kedah pada 1996, seramai 22 ADUN menyokong Osman.

Tetapi sama ada suka atau tidak, realitinya hak melantik seseorang MB itu. adalah kuasa mutlak Perdana Menteri atau mana-mana Presiden parti selepas mendapat perkenan Istana.

Justeru tidak perlu hendak mengelirukan rakyat Kedah dengan menganggap penggantian Mukhriz seolah-olah 'satu dosa besar' dan 'satu penganiayaan'. Penulis yakin Mukhriz pun memahami setakat mana keupayaan beliau untuk 'melawan kembali'.

Apa yang penting rakyat Kedah tidak harus dikelirukan atau berada dalam keadaan bercelaru. Puak-puak dalam UMNO yang masih belum dapat menerima hakikat Mukhriz hendak diganti perlu banyak-banyak ingatkan Allah SWT kerana sesungguhnya sebaik manapun perancangan manusia, perancangan Allah adalah lebih tepat.

Pemimpin-pemimpin UMNO Kedah perlu kembali bersatu supaya rakyat tidak keliru. Bak kata Mukhriz dalam satu wawancara dengan Mingguan Malaysia, *"Krisis dalaman kalau terus berlaku ia adalah pengkhianatan kepada parti dan amanah yang diberikan oleh rakyat"*.

Diharapkan bukan sahaja pihak-pihak lain, Mukhriz juga harus mengotakan kata-kata itu kerana beliau pasti memahami bagaimana krisis di Kedah boleh diselesaikan.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Sana- sini sepanjang minggu
Muka Surat	:	27

SANA-SINI SEPANJANG MINGGU

GEMILANG TANAH PERMATA
Tarikh: 5-7 Februari 2016
Lokasi: Istana Budaya
Sebarang pertanyaan dan tempahan tiket, sila hubungi 07-2245488.

CREATIVE TALK! BY ART:TECH & TAPAU.TV
Tarikh: 3 Februari 2016
Masa: 2-5 petang
Lokasi: Tingkat 3, Studio 4007, Fakulti Kreatif Multimedia, Multimedia Universiti Cyberjaya.

TASTEFULLY FOOD & BEVERAGE EXPO 2016
Tarikh:
1 Februari 2016
Masa: 10 pagi - 9 malam
Tempat: Hall 1, Mid Valley Exhibition Centre (MVEC), Kuala Lumpur.



CREATIVE TRAINING TECHNIQUES
Tarikh: 1-2 Februari 2016
Masa: 9 pagi - 5 petang
Lokasi: Alami Garden Hotel, Seksyen 13, Shah Alam

HARI MESRA RAKYAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
Tarikh: 5 Februari 2016
Masa: 9 pagi - 12 tengah hari
Lokasi: Lobi MPSJ, Aras 1, Bangunan MPSJ

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Kilang haram di Jalan Kapar diserbu
Muka Surat	:	28

KEADAAN kilang haram yang mengganggu ketenteraman penduduk setempat di Jalan Kapar, Klang sewaktu diserbu MPK.

Kilang haram di Jalan Kapar diserbu

KLANG 31 Jan. - Sebuah kilang haram yang menjalankan perniagaan melerai komponen kenderaan di Jalan Kapar dekat sini berjaya dikesan Majlis Perbandaran Klang (MPK) dalam satu serbuan penguatkuasaan baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat MPK, Norfiza Mahfiz berkata, premis haram berkenaan sering mengeluarkan bunyi bising yang menimbulkan gangguan kepada penduduk terutama kawasan perumahan berhampiran.

Katanya, notis peringatan telah dikeluarkan supaya pemilik menghentikan operasi premis tersebut dalam tempoh tujuh hari bermula dari tarikh hari serbuan bagi memberi ruang pemilik membersihkan kawasan kilangnya.

"Sekiranya pemilik premis gagal bertindak demikian, Jabatan Perancang Bandar MPK akan mengeluarkan notis kaedah iaitu menghentikan operasi kerana melakukan pemajuan tanpa kebenaran merancang.

"Notis memulihkan tanah kepada keadaan asal di bawah Akta Perancang Bandar turut dikeluarkan dan operasi kilang itu akan sentiasa dipantau MPK bagi memastikan tindakan terhadapnya dipatuhi mengikut tempoh ditetapkan," katanya kepada pemberita, di sini baru-baru ini.

Operasi serbuan MPK itu diketuai sendiri oleh Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin serta turut disertai Pegawai Perancang Bandar Dan Desa, Yusri Mustafa dan Pengarah Jabatan Pelesenan, Azhar Samsudin serta pegawai yang terlibat.

MOHAMAD YASID BIDIN (kanan) bersama Yusri Mustafa (tengah) dan Azhar Samsudin (kiri) meneliti dokumen milik kilang yang diserbu di Jalan Kapar, Klang baru-baru ini.

Menurut Norfiza, kompaun juga telah dikeluarkan dibawah Undang-Undang Kecil 3, Pelesenan, Trade dan Perindustrian MPK atas kesalahan pemilik tidak mempunyai lesen perindustrian yang sah.

"Selain daripada itu, kegagalan pemilik kilang mematuhi arahan juga boleh menyebabkan mereka berdepan tindakan pendakwaan ke mahkamah atau tindakan merobohkan akan dilakukan MPK.

"Isu berkaitan kilang haram sentiasa diberi perhatian serius dan tiada kompromi dalam hal berkaitan ketenteraman awam terutama melibatkan premis tidak berlesen yang mendirikan struktur secara haram," katanya lagi.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR
1 February 2016

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pertandingan memasak ponggal pupuk perpaduan antara kaum
Muka Surat	:	28

HASROLNIZAM SHAARI (tengah) bergambar bersama dengan sebahagian pelajar yang terlibat dalam Pertandingan Memasak Ponggal Antara Sekolah Daerah Gombak dan Daerah Hulu Langat MPAJ 2016, di padang Perbandaran Pandan Indah, Ampang, Selangor kelmarin.

Pertandingan memasak ponggal pupuk perpaduan antara kaum

AMPANG JAYA 31 Jan. - Usaha berterusan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam mengadakan program kemasyarakatan untuk memupuk perpaduan kaum sekali lagi dibuktikan melalui Pertandingan Memasak Ponggal Antara Sekolah Daerah Gombak dan Hulu Langat 2016.

Setiausaha MPAJ, Hasrolnizam Shaari berkata, selain mendedahkan pengalaman dan memperkenalkan adat resam masyarakat India kepada kaum lain, program tahunan itu juga bertujuan merapatkan hubungan antara pihak MPAJ dan masyarakat setempat.

"Sebanyak 24 kumpulan melibatkan 72 pelajar terlibat dalam pertandingan ini yang turut disertai 19 pelajar Melayu dan dua pelajar Cina. Turut terlibat adalah pelajar orang kurang upaya (OKU) yang mewakili empat kumpulan.

"Selain itu, penganjuran kali ini adalah berbeza kerana diadakan di tempat terbuka di kawasan persekitaran awam bagi membolehkan masyarakat mengetahui aktiviti yang bersifat positif ini disertai semua lapisan masyarakat," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, seorang pelajar Cina daripada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Kosas, Ho Rui Yen, 14, berkata, dia berbangga dapat menyertai pertandingan tersebut kerana berpeluang untuk bergaul dengan peserta daripada pelajar sekolah lain.

Menurutnya, ini kali pertama dia menyertai pertandingan sebegini dan peluang untuk merapatkan hubungan bersama pelajar lain itu membolehkannya mengenali budaya dan adat resam kaum India.

Siti Fatimah Abdul Rahman, 17, pula menyifatkan program tersebut adalah peluang untuk dirinya mengisi masa lapang ketika cuti hujung minggu.

"Program ini turut mendedahkan saya dengan pengalaman baharu dalam mengenali cara masakan dan makanan mereka. Inilah keunikan yang dapat dirasai dalam sebuah masyarakat berbilang kaum," ujarnya yang mewakili Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Datuk Ahmad Razali, Ampang Jaya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Desak kerajaan negeri atasi masalah bekalan di air di Semenyih
Muka Surat	:	12

Desak kerajaan negeri atasi masalah bekalan air di Semenyih

SEMENYIH – Kira-kira 300,000 penduduk melibatkan 30 kawasan perumahan di sini mendakwa hidup dalam keadaan tertekan berikutan sering mengalami masalah bekalan air sejak tahun 2008.

Malah mereka mendakwa, keadaan tersebut bertambah buruk sejak dua tahun lalu apabila kerap menerima bekalan air yang rendah kualiti serta berdepan tempoh gangguan yang lama sehingga sebulan.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Krisis Air Semenyih (JBKAS), Azman Ahmad berkata, penduduk terbabit melahirkan rasa kecewa kerana sehingga kini tiada tindakan diambil oleh pihak berwajib walaupun telah banyak kali aduan rasmi dibuat.

AZMAN (duduk, kiri) bersama beberapa orang ahli JBKAS menunjukkan ketiadaan bekalan air pada tangki surau Taman Semenyih Indah, Semenyih semalam.

"Krisis air di Semenyih bukan perkara baharu dihadapi penduduk memandangkan kawasan di sini mengalami kepesatan pembangunan sejak lapan tahun lepas.

"Berdasarkan pemantauan, masalah yang berlarutan ini disebabkan kebocoran paip.

AZMAN (tengah) bersama dua penduduk menunjukkan bekalan air yang keruh diterima penduduk di Taman Semenyih Indah, Semenyih semalam.

"Memang ada pembaikan tetapi ia dilakukan tidak ubah seperti melepaskan batuk di tangga. Hari ini diperbaiki, esok bocor lagi," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Taman Semenyih Indah di sini semalam.

Ujar Azman, pihaknya telah menyerahkan satu memorandum cadangan bagi menangani krisis air berkenaan kepada kerajaan negeri Selangor pada tahun lalu namun sehingga kini tiada sebarang tindakan dilakukan untuk mengatasinya.

"Pada masa sama, jumlah bekalan air terawat tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk dan menjadi keperluan untuk sebuah loji rawatan air baharu dibina.

"Justeru, kami mendesak kerajaan Selangor supaya menyelesaikan masalah ini dengan segera demi keselesaan penduduk," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Seramai 300 peserta
Muka Surat	:	50

SERAMAI 300 peserta dari Universiti Monash dan kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bergambar pada program tanam pokok buluh di sekitar bulatan Setia Jasa dan Seksyen 14, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

DARIPADA : PEJABAT KOMUNIKASI KORPORAT (MBSA), SHAH ALAM

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kekal prinsip satu lawan satu
Muka Surat	:	35

Kekal prinsip satu lawan satu

Boleh rugikan parti pembangkang, Pas tidak tolak berlaku pelbagai kemungkinan pada PRU14

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Pas Selangor berharap parti politik pembangkang mengekalkan prinsip 'satu lawan satu' pada pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, prinsip itu perlu dikekalkan biarpan parti itu tidak bersama dalam Pakatan Harapan.

Beliau tidak menolak sebarang kemungkinan akan berlaku sama ada Pas akan bergabung dengan Pakatan Harapan atau bersendirian ketika menghadapi PRU14 nanti.

"Saya tak berani nak kata gabung atau tidak sekarang ini, kena tunggu pilihan raya nanti.

"Pelbagai kemungkinan boleh berlaku dan saya yakin senarionya mungkin berbeza," katanya, semalam.

Beliau ditemui pada majlis konvokesyen pengajian bersijil Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini semalam.

Ahmad Yunus diminta mengulas kenyataan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa PKR mengharapkan parti politik pembangkang mengekalkan prinsip 'satu lawan satu' biarpun Pas kini enggan bekerjasama dengan PKR, DAP dan Amanah.

Isu tersebut timbul apabila Amanah, parti serpihan Pas membuat keputusan untuk bertanding di Kelantan pada PRU akan datang.

Sementara itu, Ahmad Yunus yang juga Adun Sijangkang berkata, setakat ini tiada sebarang perbincangan berhubung kedudukan Pas bersama Pakatan Harapan atau parti lain.

"Kita tak bincang lagi berkenaan perkara itu, begitu juga dengan senario yang akan berlaku apabila hampir pilihan raya kelak.

"Mungkin akan ada perubahan bila dah dekat pilihanaraya, saya yakin selepas pembubaran Dun dan parlimen akan memperlihatkan senario yang berbeza," katanya.

Ahmad Yunus (tengah) menyampaikan sijil kepada salah seorang pelajar tarannum al-Quran, semalam.

Mengenai kedudukan Mohamed azmin sebagai menteri besar, Ahmad Yunus berkata, Timbalan Presiden PKR itu kukuh walaupun tanpa Pas dalam Pakatan Harapan.

"Alhamdulillah...pendirian dia bersama-sama Pas, PKR dan DAP bahkan dia juga menghargai Amanah dengan baik sekali.

"Pentadbiran kerajaan negeri juga berjalan seperti biasa dan kita juga mentadbir negeri secara profesional," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Makan kismis kuatkan ingatan
Muka Surat	:	36

Makan kismis kuatkan ingatan

Dua pelajar Darul Huffaz turut amal solat dhuha, qiamullail

Muhammad Muzzammil (tiga, kiri) dan Sayid Hasan Basri (tiga, kanan) menunjukkan sijil dan baju melayu yang diterima mereka kepada ibu bapa masing-masing selepas majlis konvokesyen, semalam.

■ **NOR AZIHAN MD GHAZALI**

SHAH ALAM – Memakan kismis setiap hari, solat dhuha dan qiamullail formula yang diamalkan dua penerima Anugerah Pelajar Darul Huffaz.

Muhammad Muzzammil Ahmad Nor dan Sayid Hasan Basri Sayid Anwar, kedua-duanya berusia 15 tahun, menerima anugerah itu selepas berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran sehingga tempoh diberikan berakhir 27 Januari lalu.

Muhammad Muzzammil berkata, bagi menguatkan ingatan menghafaz al Quran, dia mengamalkan memakan tujuh biji kismis berserta selawat selepas bangun dari tidur setiap hari.

"Kismis amat baik untuk kuatkan ingatan, ustaz yang ajar kami juga kerap menitikberatkan konsep bacaan minda sedar iaitu tidak berkhayal ketika melakukan hafazan.

"Saya kena fokus terhadap apa yang dihafaz, jika tidak fokus, ingatan akan jadi tak kuat kerana terganggu," katanya selepas majlis konvokesyen pengajian bersijil tahun 2015 Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, semalam.

Pelajar Sekolah Agama Menengah Bestari, Subang Jaya yang bercita-cita menjadi daie berkata, dia mengambil tempoh sembilan bulan bagi menghabiskan hafazan 30 juzuk itu.

Sementara itu, Sayid Hasan Basri berkata, dia turut mengamalkan amalan sama dengan memakan 27 biji kismis sebelum tidur.

"Sebelum ini saya nyaris gagal menghabiskan hafazan, tapi sebelum tarikh itu berakhir, saya tingkatkan usaha untuk pastikan berjaya.

"Kalau tak fokus, memang sukar. Tapi,saya teruskan juga usaha supaya matlamat saya dan Darul Huffaz tercapai," kata anak kedua daripada enam beradik itu.

Dia yang turut bercita-cita bergelar daie berkata, solat dhuda dan qiamullail turut dijadikan amalan bagi mendekatkan diri dengan ALLAH.

Menerusi anugerah itu, dua pelajar tersebut menerima bayaran pendaftaran haji RM1,350, sepasang baju melayu dan sijil penghargaan.

Anugerah disampaikan Exco Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Ahmad Yunus dalam ucapannya berkata, pihaknya berharap penerima sijil kursus ini dapat berkongsi ilmu supaya masyarakat beroleh manfaat.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	MBSA sedia tong roro di 140 lokasi
Muka Surat	:	36

MBSA sedia tong roro di 140 lokasi

SHAH ALAM – Sempena Tahun Baharu Cina, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyediakan 140 lokasi penempatan tong sampah besar (roro) bagi memudahkan orang ramai melupuskan sampah pukal.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Shahrin Ahmad berkata, orang ramai boleh membuang sampah pukal seperti perabot lama, almari, sofa, tilam, katil dan barangan elektrik seperti peti ais, televisyen, pengecas bateri, telefon bimbit dan sebagainya. Sisa binaan dan pepejal sama sekali tidak dibenarkan.

"Perkhidmatan ini dilaksanakan bermula 30 Januari lalu dan berakhir 10 Februari ini dan antara lokasi berkenaan adalah Seksyen 7, Seksyen U8, Seksyen U20 dan lain-lain.

"MBSA juga berharap penduduk sekitar memberikan kerjasama dengan meletakkan sampah pukal tersebut dalam tong roro yang disediakan bagi memudahkan kontraktor membuat kutipan," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PKNS lancar 146 unit Azhara
Muka Surat	:	38

PKNS lancar 146 unit Azhara

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan kediaman terbaru iaitu Azhara rumah berkembar dua tingkat yang terletak di Antara Gapi.

Projek dibangunkan perbadanan itu menawarkan 146 unit eksklusif berkeluasan 2,714 kaki persegi (kps) dan 2,796 kps ditawarkan pada harga bermula RM776,550 sehingga RM838,476.

Pengurus Perhubungan Awam PKNS, Ishak Hashim berkata, Azhara bercorakkan rekaan moden dan kontemporari itu bakal melengkapkan kehidupan dalam persekitaran selesa dan damai kepada pembeli.

Menurutnya, projek yang ditawarkan itu adalah kediaman ideal beraspirasikan gaya hidup urban yang memaparkan seni bina mengikut trend semasa dengan rekaan moden dan praktikal.

"Azhara terletak di lokasi strategik berdekatan dengan pelbagai kemudahan seperti Stesen Komuter Serendah, Pasar raya Giant selain memiliki akses mudah melalui Lebuhraya Utara Selatan.

"Azhara yang terletak di Antara Gapi hanya 12 kilometer (km) dari pekan Rawang dan 30 minit perjalanan ke Kuala Lumpur," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, orang ramai dinasihatkan merebut peluang memiliki kediaman impian ini yang menawarkan kehidupan selesa dan kondusif.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh layari laman sesawang www.pkns-property.com atau hubungi 016-2510113 atau 019-3443109.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Orang Besar Drah tinjau kawasan
Muka Surat	:	39

Orang Besar Daerah tinjau kawasan

BANDAR SAUJANA PUTRA - Lawatan Kerja Orang Besar Daerah Kuala Langat, Tengku Mohamed Tengku Harun ke Pejabat Cawangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) di Bandar Saujana Putra disambut baik semua kakitangannya.

Kunjungan pertama Tengku Mohamed sebagai Ahli Majlis, MDKL yang baharu itu bagi meninjau beberapa kawasan dan melihat permasalahan yang ada untuk penyelesaian bersama.

Selain itu, beberapa wakil pegawai turut memberi penerangan mengenai kawasan seliaan dan operasi MDKL di kawasan itu bagi memudahkan pelbagai aktiviti dijalankan.

Turut sama menyambut ketibaan Tengku Mohamed, Setiausaha MDKL, Mohd Yasin Alwi.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kajang
Muka Surat	:	42

KAJANG Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (tiga, kanan) melancarkan perkhidmatan bas 'Smart Selangor' di daerah Kajang, baru-baru ini.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	SSP-MSP kembali ke landasan kemenangan
Muka Surat	:	55

SSP-MSP kembali ke landasan kemenangan

SSP-MSP-Thunderbolt kembali ke landasan kemenangan semula selepas menewaskan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 4-1 saingan Divisyen Satu, TNB Liga Hoki Remaja, kelmarin sekali gus menebus kekecewaan tewas kepada UniKL Young Guns 2-3 sebelum ini.

Ketua jurulatih SSP-MSP, Mohd Sufian Mohamad berkata, beliau sememangnya mahu pemainnya kembali bangkit selepas tewas kepada UniKL Young Guns.

"Ketika bertemu UniKL, kami sering benarkan lawan memperoleh ruang jaring gol. Selepas itu pemain melihat ulang tayang video semula dan belajar daripada kesilapan.

"Mungkin itu menjadi motivasi tambahan kepada mereka untuk berikan aksi terbaik," katanya.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Make Money Cathing Rats
Muka Surat	:	3

MAKE MONEY CATCHING RATS

MBPJ kicks off campaign offering public RM3 for every rodent caught

Good way to earn cash

There are millions of rats running around Petaling Jaya townships, so for RM3 per rats, rat catchers will become "Millionaire" over the days! Since MBPJ is willing to pay. it will be beneficial to those unemployment to take the job offers to be a rat catcher. Should apply to crow catcher too! - Irene Yong

Prevention better than cure

Humans, if you keep your rubbish in place, keep your home clean, be civic minded and don't throw rubbish out of the window or into the drain behind the house, out of a car window. Rats and crows only thrive when rubbish is strewn all over - a problem mankind created. - Yoke Mei

Loophole

Why do i feel as though someone is going to take advantage of the system and breed the rats - Ben

Invest more to overcome it

It's a good incentive. But we need to think of how we can prevent people from breeding rats and take advantage of the system. A good way would be to dissect the rats stomach and analyse what food had been taken by these rats if someone is being suspected of doing such. Plus doing a gene analysis would tell you if the rat is being breed or wild. Offender would then be fined and pay for all those cost. - Gan Wei Di

Not a good idea

Heard a story like this in India, the authority asks the villagers for every snake that they caught will be rewarded with money. So the villagers just bred the snakes and created more problems. - Rafidah

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	MPAJ To Go After Illegal Vape Traders
Muka Surat	:	3

MPAJ TO GO AFTER ILLEGAL VAPE TRADERS

Put a stop to it

It is never a good habit to begin with and council should ban it once and for all not just go after the illegal vape traders. - Desmond

Protecting consumers

Totally back the council move in nabbing those vape traders as they might be unscrupulous and sell us vaping tools that are not safe. Accident might happen and the government will be more keen to ban vape after that.
- Kumar.

Go all out

Summon them with hefty fine and make sure there is no corruption involved. Then only the enforcement will be effective. - Anonymous

Better alternative

Hope the council would take this matter seriously and enforce by-laws accordingly because, for smokers who want to quit smoking, vaping will help. - Sandra

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	The Star
Tajuk Berita	:	Settle Your Bill
Muka Surat	:	4

SETTLE YOUR BILL

Syabas will conduct an operation to premises with outstanding water bills in the districts of Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor.

Consumers are reminded to settle their outstanding water bills immediately to avoid termination of water supply as the Outstanding Water Bill Operations will begin today. Customers who fail to settle the outstanding bills will be served with a Notice of Water Supply termination. A termination fee and reconnection fee of RM35 each (excluding GST) will be imposed to the customer. For details, visit www.syabas.com.my.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	New Straits Times
Tajuk Berita	:	'500 cases reported a day'
Muka Surat	:	20

'500 cases reported a day'

ALARMING: Urgent action needed before situation worsens, says health deputy D-G

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
tharanya@nst.com.my

MONDAY EXCLUSIVE

THE Health Ministry has raised the alarm about dengue outbreak, urging the people and agencies to act urgently to put in place measures to contain the situation before it worsens.

From 2000 to Jan 16 this year, 707,227 dengue cases have been reported with 1,721 deaths.

In 2000, the Health Ministry recorded 7,103 dengue cases and 42 deaths. But merely two weeks into this year, 6,837 cases and 14 deaths were reported, an average of more than 500 cases a day.

Health deputy director-general (public health) Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman said the main factors contributing to the sharp rise in the disease were poor environmental cleanliness, littering and poor garbage management.

He also cited mobility of the population, high population densities and rapid urbanisation as being other factors.

Aside from that, he said, the El Nino phenomenon that was expected to last until next month would lead to warmer temperatures. Mosquitoes will breed actively, increasing the frequency of mosquito bites and the spread of dengue virus.

"In the dry and hot weather, the life cycle of an Aedes mosquito, from the egg to the adult stage, will be shorter and this will increase the mosquito population.

"The density of Aedes mosquitoes will also increase two weeks after the rainy season, leading to a jump in dengue cases.

"The local authorities should not be (solely) blamed because there are many factors that cause the spike in dengue cases," he told the *New Straits Times*.

Dr Lokman said to ensure environmental cleanliness, the local authorities should increase enforcement activities, especially in illegal rubbish dumping sites, and make arrangements for timely garbage collection at least thrice a week.

"Apart from ensuring a proper solid waste management and a clean environment, the authorities should step up dengue control activities, especially in the Klang Valley.

"This involves active participation from the Shah Alam, Petaling Jaya, Kajang, Gombak and Klang municipal councils.

"These are 'rich' local authorities and, therefore, they should invest more resources in dengue control activities and implement recycling programmes."

Dr Lokman said the key strategy to reduce dengue cases was to empower the community through "source reduction" activities and clean-up campaigns.

Global evidence, he said, showed that dengue control could never be achieved or sustained without community empowerment and ownership.

"However, in reality, the sustainability of community involvement in dengue prevention is very difficult to establish."

Dr Lokman said Aedes mosquitoes could be predominantly found in urban areas, especially in densely populated places such as the Klang Valley, Petaling, Hulu Langat, Klang, Gombak and Kinta, which have the highest number of hot spots in Malaysia.

Last year, Selangor topped the list with the highest number of dengue cases and fatalities at 63,198 cases and 127 deaths, followed by Johor (15,743 cases) and Perak (9,466 cases).

Dr Lokman said to overcome the dengue menace, the Health Ministry would strengthen dengue prevention and control activities, including improving environmental cleanliness by all agencies and the public, and increasing source reduction activities.

The ministry, he said, would also promote and implement cleanliness campaigns and activities in vacant lands, residential areas, construction sites and other premises with a high Aedes-breeding index.

"We will increase enforcement, especially in construction sites, with other agencies such as the Construction Industry Development Board, Occupational Safety and Health Department and local authorities."

Dr Lokman noted that it was high time for the authorities to increase punitive measures instead of merely urging people to cooperate in eradicating mosquito-breeding grounds.

"The Destruction of Disease Bearing Insect Act 1975 should be strictly enforced. We will continue to issue compound to households that breed Aedes.

"We will also continue to focus on construction sites and issue stop-work order for two weeks if any premise is found to be a breeding ground and bring them to court for repeated offences, as we have done before. As such, the public will be more cautious and play a more proactive role in dengue prevention activities."

Dr Lokman noted that everyone

→ *Turn to* ***Page 28***

INFOGRAPHIC: NST

DENGUE CASES RECORDED FROM 2000 TO JAN 2016 (JAN 3 - JAN 16)

Year	Dengue cases	Dengue Deaths
2000	7,103	42
2001	16,368	50
2002	32,767	99
2003	31,545	69
2004	33,895	102
2005	39,654	107
2006	38,556	92
2007	48,846	98
2008	49,335	112
2009	41,486	88
2010	46,171	134
2011	19,884	36
2012	21,900	35
2013	43,346	92
2014	108,698	215
2015	120,836	336
2016	6,837	14

DENGUE CASES AND FATALITIES ACCORDING TO STATES

State	2015 Case	2015 Death	2016 (Jan 3 to Jan 16) Case	2016 (Jan 3 to Jan 16) Death
PERLIS	258	1	24	0
KEDAH	1,000	14	60	0
PENANG	5,830	19	344	2
PERAK	9,466	25	263	0
SELANGOR	63,198	127	3,358	6
FT/PUTRAJAYA	8,332	34	483	1
N. SEMBILAN	2,454	16	229	2
MALACCA	2,420	8	146	0
JOHOR	15,743	51	1,092	0
PAHANG	3,001	16	182	0
TERENGGANU	1,455	5	266	3
KELANTAN	2,850	7	124	0
SARAWAK	1,923	3	60	0
SABAH	2,904	10	206	0
LABUAN	2	0	0	0
MALAYSIA	120,836	336	6,837	14

PREVENTIVE MEASURES TO BE TAKEN:

PEOPLE:
- **Conduct weekly 'search-and-destroy'** activities.
- **Avoid littering** and have a proper solid waste management. Practise recycling.
- **Wear long-sleeve shirts** and long pants, and use insect repellent. Use aerosol sprays or other insecticide vaporisers to kill Aedes mosquitoes.
- **Seek immediate treatment** if there are symptoms of dengue fever (joint pain, body ache, loss of appetite, rash, vomiting, headache and diarrhoea).

SCHOOLS AND VARSITIES:
- **Conduct weekly** search-and-destroy activities.
- **During long school holiday, use larvicide** such as temephos in toilet bowls, flower pots and water containers to prevent mosquito breeding.

LOCAL COUNCILS:
- **Have proper domestic waste** collection and disposal.
- **Strict enforcement activities,** especially against illegal dumping and littering.
- **Proper rubbish collection,** and provide enough dustbins in public places.

HEALTH MINISTRY
- **Intensify dengue prevention** and control activities through the implementation of 'Mega Operation', especially in problematic states.
- **Implementation of a new control strategy** such as Outdoor Residual Spraying using Deltametrine in selected dengue hot spots.
- **Intensify enforcement.**

WORKS MINISTRY:
- **Ensure developers and contractors take measures** to destroy mosquitoes in construction sites.
- **Review design of the building** to avoid potential breeding areas and suggest recommendations.

EDUCATION AND HIGHER EDUCATION MINISTRIES:
- **Ensure schools and universities/colleges nationwide are free** of Aedes-breeding areas.

COMMUNICATIONS AND MULTIMEDIA MINISTRY:
- **Increase health promotion activities on dengue prevention** for the public.

CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA AND OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH DEPARTMENT
- **Ensure developers and contractors follow guidelines** on dengue prevention and control in construction sites.

CIVIL DEFENCE DEPARTMENT AND THE PEOPLE'S VOLUNTEER CORPS
- **Involve in search-and-destroy activities.**

Source: Health Ministry

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

KERATAN AKHBAR 1 February 2016		
Akhbar	:	The Malay Mail
Tajuk Berita	:	MB saga will affect state administration
Muka Surat	:	2

MB saga will affect state administration

Analysis by Zainal Epi
zainal@mmail.com.my

ALOR STAR — Datuk Seri Mukhriz Mahathir is putting up a fight against those wanting him out of the menteri besar's seat, an indication the Kedah fiasco could turn into a long-drawn battle.

Mukhriz had, in a statement yesterday, called for the 14 Umno division chiefs and six executive councillors who had demanded him to quit to seek forgiveness from the Sultan of Kedah.

The state party leaders had called a press conference on Jan 20 asking Mukhriz to step down, and the six executive councillors did not attend the exco last Wednesday.

Mukhriz said Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah was "slighted and angry" over the actions by the disgruntled lot.

Mukhriz, the son of former prime minister Tun Dr Mahathir Mohamad, had sought forgiveness from the Sultan over the fiasco, adding that it had tarnished the ruler's 88th birthday celebrations.

Mukhriz seems to be injected with a new spirit as word has it that the Sultan is apparently against any move to replace the menteri besar.

It is understood the Sultan does not want to "rock the boat" as the general election is just two years away and the state is now developing.

Umno members in the state, stuck between their loyalty to the top party leadership and Mukhriz, hope the saga ends soon in order for them to strengthen their influence.

However, policy and administrative matters are left hanging as they cannot be made or implemented.

While all may seems well at Wisma Darulaman, despite earlier talks of Mukhriz's men removing their belongings from their offices there, several meetings by the civil service have been postponed as they await new developments.

A source said meetings that were supposedly chaired by Mukhriz and the executive councillors who had called for his removal were pending as no decisions can be made.

"It is difficult as the executive councillors, who also chair several portfolios, do not know the status of their positions. If a new menteri besar is appointed, they could be dropped from their current positions," the source said.

"If Mukhriz stays, the future of those absent from last Wednesday's meeting would be in doubt.

"They are in a dilemma and as such, the whole political episode has affected the administration process."

Kedah is no stranger to such an episode as evident in the 1996 crisis when former menteri besar Datuk Seri Osman Aroff had to battle it out for six months before Tan Sri Sanusi Junid took over.

Similar sagas also took place in Selangor and Terengganu.

Efforts to remove Tan Sri Khalid Ibrahim as Selangor menteri besar in 2014 took nine months before the Sultan of Selangor consented to PKR deputy president Datuk Seri Azmin Ali as being the new menteri besar.

The same year saw another battle for the menteri besar position in Terengganu. Datuk Seri Ahmad Said quit after two weeks of fighting his critics and was replaced by Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman.